

Bil. S 38

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah bab 83(3))

**PERINTAH DARURAT (PERLANJUTAN DAN PENGESAHAN
SYARAT-SYARAT DARURAT), 2000**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Peranjutan dan Pengesahan Syarat-Syarat Darurat), 2000.

Tafsiran.

2. (1) Di dalam Perintah ini, kecuali jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"pindaan" termasuk pemansuhan, penambahan atau pengubahan dan penguatkuasaan kesemuanya atau dua atau lebih perkara sedemikian dengan serentak atau dengan syarat darurat yang sama;

"Perintah Darurat" bermakna sebarang Perintah yang dinyatakan telah dibuat di bawah bab 83(3) dari Perlembagaan pada bila-bila masa sebelum tarikh Pemasyhuran;

"syarat darurat" bermakna sesuatu Perintah Darurat dan apa jua suratcara kecil darurat;

"suratcara kecil darurat" bermakna apa jua suratcara kecil yang dinyatakan telah dibuat pada bila-bila masa sebelum tarikh Pemasyhuran oleh sebab sebarang kuasa yang dinyatakan telah diberikan oleh —

(a) apa jua Perintah Darurat; atau

(b) sebarang suratcara kecil lain yang dinyatakan telah dibuat oleh sebab sebarang kuasa yang dinyatakan telah diberikan oleh apa jua Perintah Darurat;

"Pemasyhuran dahulu" bermakna apa jua Pemasyhuran yang telah dibuat sebelum tarikh Pemasyhuran di bawah bab 83(1) dari Perlembagaan yang mengisytiharkan suatu keadaan darurat dalam Negara;

"tarikh Pemasyhuran" bermakna 20 haribulan Mei, 2000, iaitu tarikh Pemasyhuran yang dibuat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah bab 83(1) dari Perlembagaan yang mengisytiharkan suatu keadaan darurat dalam Negara;

"pemansuhan" termasuk pembatalan (rescission, revocation, cancellation) atau penggantian;

"suratcara kecil" bermakna sebarang peraturan, atau aturan, perintah atau suratcara lain, sama ada atau tidak mempunyai kuatkuasa undang-undang.

Perlanjutan dan pengesahan syarat-syarat darurat.

3. Tiap-tiap syarat darurat hendaklah —

- (a) dengan tidak menghiraukan sebarang syarat dari Perlembagaan atau dari sebarang undang-undang bertulis;
- (b) dengan tidak menghiraukan tamatnya, pembatalan atau tidak sahnya sebarang pemasyhuran dahulu atau sebarang syarat darurat;
- (c) dengan tidak menghiraukan sebarang kegagalan untuk membentangkan syarat darurat sedemikian di hadapan Majlis Mesyuarat Negeri dengan seberapa cepat yang mungkin selepas ianya dibuat disebabkan oleh tidak senghaja; atau disebabkan oleh penghapusan, pembubaran, penggantungan atau penubuhan semula Majlis Mesyuarat Negeri sama ada atau tidak penghapusan, pembubaran, penggantungan dan penubuhan semula itu sah di sisi undang-undang; atau disebabkan oleh apa jua pun,

dengan kuatkuasa Perintah ini dianggap telah dibuat dengan sah dan betul dan telah dengan sempurnanya dibentangkan di hadapan Majlis Mesyuarat Negeri dan hendaklah mempunyai, dan dianggap telah mempunyai kuatkuasa daripada mula berjalannya syarat darurat itu seolah-olah syarat darurat itu telah dikandungkan dalam Perintah ini, kecuali bahawa sebarang pindaan yang dinyatakan telah dibuat kepada syarat darurat itu oleh mana-mana syarat darurat lain hendaklah mempunyai, dan dianggap telah mempunyai, kuatkuasa daripada mula berjalannya pindaan itu.

Pengesahan akan menyentuh pembicaraan yang belum selesai.

4. Setakat mana yang perenggan 3 mengesahkan sebarang syarat darurat bersabit dengan mana-mana tempoh sebelum tarikh Perintah ini, sesebuah mahkamah hendaklah (dengan tidak menghiraukan berjalannya kuatkuasa perenggan 3 selepas tarikh Perintah ini) menguatkuasakan syarat yang telah disahkan itu bersabit dengan tempoh itu dalam apa jua pembicaraan yang belum selesai pada tarikh perintah ini.

Diperbuat pada 16 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1421 bersamaan dengan 20 haribulan Mei, 2000 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM